

Angkasa Pulau Pinang mahu bincang dengan KPDNKK dalam masa terdekat

Hapus GST barang koperasi sekolah

GEORGE TOWN – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Pulau Pinang mencadangkan agar barangan yang dijual di setiap koperasi sekolah tidak dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pengerusinya, Shaik Ismail Md. Allapichay berkata, pihaknya akan membawa cadangan itu ke peringkat Angkasa pusat sebelum dipanjangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepeng-

gunaan (KPDNKK) dalam masa terdekat.

“Pihak kami sedang mengumpulkan maklumat daripada semua 134 koperasi sekolah di Pulau Pinang sebelum membawa cadangan itu ke peringkat pusat dan seterusnya pada perjumpaan dengan pihak kementerian di Kuala Lumpur pada 14 Januari ini.

“Barangan yang dijual di koperasi adalah untuk para pelajar, jadi sebaiknya tidak dikenakan GST bagi meringankan beban mereka,” katanya selepas men-

injau harga barang di Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan (P) St. George di sini semalam.

Sementara itu, Shaik Ismail berkata, pihaknya berpuas hati dengan kadar harga yang dikenakan koperasi-koperasi sekolah di negeri ini kerana ia lebih berpatutan berbanding pasaran luar.

“Jika ada dakwaan bahawa harga barang-barang di koperasi sekolah mahal, itu tidak benar dan saya sarankan agar ibu bapa mendapatkan maklumat yang sahih daripada pengurusan koperasi sekolah sendiri,” katanya. - Bernama



SHAIK ISMAIL



SHAIK Ismail (dua dari kiri) bertanyakan sesuatu kepada pengetua SMK (P) St. George, Sharifah Afifah Syed Abbas (dua dari kanan) ketika melawat ke kedai koperasi sekolah tersebut di Jalan Macalister, George Town semalam.